# JABATAN PERDANA MENTERI
# UNIT KERJASAMA AWAM SWASTA

## *REQUEST FOR PROPOSAL*

### CADANGAN PEMBANGUNAN KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM) MELALUI KAEDAH *BUILD-LEASE-MAINTAIN-TRANSFER-HYBRID* (BLMT-HIBRID)

**NOMBOR RUJUKAN RFP: UKAS(S).700-9/1/13/40 JLD. 2 (47)**

Pelawaan *Request For Proposal* ("RFP") ini adalah terbuka kepada syarikat-syarikat yang diperbadankan di Malaysia, termasuk usaha sama dan konsortium ("Syarikat") dengan kriteria seperti yang berikut:

| KELAYAKAN | BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP | TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP |
|---|---|---|---|---|
| 1. Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*]. Tawaran RFP ini tidak dibuka kepada mana-mana syarikat/ usaha sama (*joint venture* – "JV")/ konsortium luar negara.<br><br>2. Peratusan pegangan ekuiti Syarikat oleh individu/ syarikat Bumiputera mestilah tidak kurang daripada 30%.<br><br>3. Bagi JV/konsortium, sekurang-kurangnya satu (1) daripada entiti diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*] dan pegangan ekuiti Bumiputera mestilah tidak | Taklimat dan lawatan tapak adalah seperti yang berikut:<br><br>**Sesi:** Taklimat dan Lawatan Tapak<br>**Lokasi:** **Dewan Jemaah,** Aras 5 Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM Parit Raja, Batu Pahat, Johor<br>**Tarikh dan Masa:** 21 November 2025 (Jumaat) 2.45 petang<br><br>1. Kehadiran taklimat dan lawatan tapak yang dinyatakan di atas adalah **<u>MANDATORI</u>** untuk semua Syarikat yang berhasrat menyertai tawaran RFP ini. Kegagalan menghadiri taklimat dan lawatan tapak serta mengemukakan slip kehadiran taklimat dan lawatan tapak akan menyebabkan Syarikat hilang kelayakan untuk membeli dokumen RFP dan menyertai RFP ini.<br><br>2. Wakil Syarikat yang akan hadir taklimat dan lawatan tapak seperti di atas hendaklah memegang jawatan tidak rendah | Tarikh pembelian dokumen RFP pada:<br><br>**1 hingga 5 Disember 2025 (Isnin hingga Jumaat)**<br><br>**Masa:**<br>Isnin hingga Khamis<br>9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari<br>2.00 petang hingga 4.00 petang<br><br>Jumaat<br>9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari<br>3.00 petang hingga 4.00 petang<br><br>**Tempat:**<br>Ruang Perpustakaan, Aras 2, Unit | **RM10,000.00***<br>(Ringgit Sepuluh Ribu sahaja.)<br><br>dalam bentuk<br><br>**draf bank**<br><br>di atas nama<br><br>**AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA-JPM-T.**<br><br>***SILA AMBIL MAKLUM BAHAWA** pembayaran bagi pembelian dokumen RFP ini tidak akan dikembalikan dalam apa jua keadaan termasuk jika Syarikat berhasrat untuk | **4 Februari 2026 (Rabu)**<br><br>**Masa:**<br><br>9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari<br><br>2.00 petang hingga 4.00 petang<br><br>**Tempat:**<br><br>Bilik Tender, Aras 4, Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri, Setia Perdana 2, Kompleks Setia Perdana, 62502 PUTRAJAYA<br><br>**(u.p. : Urusetia RFP, Seksyen Sosial UKAS)** |

| KELAYAKAN | BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP | TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP |
|---|---|---|---|---|
| kurang daripada 30%.<br><br>4. *Special Purpose Vehicle* ("SPV") yang sedang menjalankan konsesi secara Kerjasama Awam-Swasta (Public-Private Partnership ("PPP")) tidak boleh menyertai RFP ini.<br><br>5. Mempunyai persetujuan daripada pemegang taruh utama syarikat pembida (*board resolution*) untuk menyertai RFP ini.<br><br>6. Mempunyai keupayaan kewangan seperti yang berikut:<br><br>(a) modal berbayar (*paid up capital*) sekurang-kurangnya **RM10 juta**;<br><br>(b) nilai bersih (*net worth)* sekurang-kurangnya bernilai **RM20 juta**; dan<br><br>(c) mengemukakan deposit sekuriti bidaan (*bid security*) berjumlah **RM1 juta** dalam bentuk jaminan bank (*bank guarantee*) dengan tempoh sah laku mulai 4 Februari 2026 hingga 5 Februari 2027. | daripada pengarah Syarikat. Sekiranya pengarah Syarikat tidak dapat hadir, wakil Syarikat hendaklah mengemukakan surat kebenaran bertulis kepada urusetia. Hanya dua (2) individu sahaja daripada setiap Syarikat dibenarkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang dinyatakan seperti di atas.<br><br><u>Dokumen wajib dibawa semasa taklimat dan lawatan tapak seperti yang berikut</u>:<br><br>(a) salinan kad pengenalan/pasport wakil Syarikat;<br>(b) kebenaran bertulis dari Syarikat sekiranya wakil bukan pengarah Syarikat; dan<br>(c) cop rasmi Syarikat. | Kerjasama Awam Swasta,<br>Jabatan Perdana Menteri,<br>Setia Perdana 2,<br>Kompleks Setia Perdana,<br>Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,<br>62502 PUTRAJAYA.<br><br>Dokumen wajib perlu dibawa bagi urusan pembelian dokumen RFP:<br><br>(a) Borang Pembelian Dokumen RFP (Lampiran 1);<br><br>(b) surat wakil Syarikat (Lampiran 2);<br><br>(c) salinan slip kehadiran sesi taklimat dan lawatan tapak;<br><br>(d) cop rasmi Syarikat; dan<br><br>(e) draf bank pembelian dokumen RFP. | tidak meneruskan penyertaan pada mana-mana proses selanjutnya. | |

| KELAYAKAN | BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP | TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP |
|---|---|---|---|---|
| 7. Mempunyai keupayaan teknikal seperti yang berikut:<br><br>(a) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya lima (5) tahun dengan nilai laksana sekurang-kurangnya satu projek **RM50 juta** dan ke atas dalam projek pembinaan bangunan *(building construction)*;<br><br>(b) mempunyai pengalaman kerja dalam penyelenggaraan dan pengurusan bangunan;<br><br>(c) mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor ("PPK"), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan ("SPKK") dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia ("CIDB") Gred G7 bagi kod bidang B dan CE; | | | | |

| KELAYAKAN | BUTIRAN TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | MAKLUMAT PENJUALAN DOKUMEN RFP | HARGA DOKUMEN RFP | TARIKH TUTUP PENYERAHAN DOKUMEN RFP |
|---|---|---|---|---|
| (d) memiliki Sijil CIDB yang masih sah dengan minimum penarafan Skor 3 Bintang; dan<br><br>(e) tempoh sah sijil-sijil hendaklah melebihi tiga (3) bulan daripada tarikh tutup penyertaan RFP.<br><br>8. Menghadiri sesi taklimat RFP dan lawatan tapak seperti yang dijadualkan. | | | | |

## PENYERAHAN DOKUMEN BIDAAN RFP

1. Dokumen bidaan RFP yang telah lengkap perlu diserahkan dalam bentuk salinan keras (*hard copy*) dan salinan lembut (*soft copy*) seperti yang berikut:

    (a) **SATU (1) salinan keras** set asal bidaan yang mengandungi nama Syarikat, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**";
    (b) **DUA (2) salinan keras** set bidaan **TANPA** nama Syarikat, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**";
    (c) **SATU (1) *USB Flash Drive*** yang mengandungi salinan lembut set asal bidaan yang mengandungi nama Syarikat, ditanda dengan jelas sebagai "**ORIGINAL**"; dan
    (d) **SATU (1) *USB Flash Drive*** yang mengandungi salinan lembut set bidaan tanpa nama Syarikat, ditandakan dengan jelas sebagai "**COPY**".

2. **Kedua-dua *USB Flash Drive*** ini hendaklah diserahkan dalam satu sampul yang berasingan dan dilabel dengan jelas sebagai "**SOFT COPY"** di bahagian atas kiri sampul.

3. **Penyerahan** dokumen RFP yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar secara **serahan tangan** ke Peti RFP di alamat yang berikut:

**Bilik Tender, Aras 4,**
**Unit Kerjasama Awam Swasta,**
**Jabatan Perdana Menteri,**
**Setia Perdana 2,**
**Kompleks Setia Perdana,**
**Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,**
**62502 PUTRAJAYA**
**(u.p. : Urusetia RFP, Seksyen Sosial UKAS)**

4. Penyerahan dokumen RFP selepas dari tarikh dan masa yang ditetapkan (seperti dinyatakan dalam dokumen RFP) akan **ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.** Kerajaan tidak akan bertanggungan ke atas apa-apa kos dan perbelanjaan yang dibuat oleh Syarikat dalam menyertai RFP ini. Kerajaan juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan, dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar kepada Syarikat.